

28/04/1999

Agenda strategik gabungi lima bidang

KERAJAAN akan terus membangun dan mengembangkan infrastruktur teknologi maklumat (IT) bagi mewujudkan industri berasaskan teknologi serta menanam budaya IT di kalangan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata satu agenda strategik meliputi lima bidang utama iaitu E-Ekonomi, E-Perkhidmatan Awam, E-Pembelajaran, E-Komuniti dan E-Kedaulatan akan dikaji bagi menyediakan Malaysia menghadapi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Pertumbuhan yang pesat dalam rangkaian telekomunikasi terutamanya penggunaan Internet di seluruh dunia akan mempercepatkan aplikasi perdagangan elektronik dalam pasaran yang lebih luas, katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) di Dewan Rakyat, minggu lalu.

Beliau berkata, kerajaan akan menggubal satu pelan induk bagi memastikan pembangunan perdagangan elektronik berjalan secara teratur.

"Saya gembira untuk menyatakan bahawa dalam tempoh tiga tahun akan datang, kita akan mempunyai asas pengguna yang kukuh bagi perdagangan elektronik, apabila kita mencapai matlamat satu juta pengguna Internet," katanya.

Dr Mahathir berkata, perubahan pesat IT dan multimedia akan mewujudkan pelbagai peluang perniagaan baru serta perdagangan elektronik, yang akan memberi cabaran kepada perniagaan domestik, terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

"Mengikut Kajian Separuh Penggal ini, kerajaan menambah peruntukan bagi kementerian dan agensi yang terbabit dalam program dan projek IT kepada RM4 bilion," katanya.

Beliau berkata, projek Koridor Raya Multimedia (MSC) akan terus menerajui pembangunan IT dengan pembangunan Cyberjaya, "bandar pintar" pertama di Malaysia, kini berjalan dengan pesat.

Bagi memperkukuhkan bidang sains dan teknologi (S&T), Perdana Menteri berkata, kerajaan menambah peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada RM1.1 bilion, bagi meningkatkan keupayaan serta kebolehan tempatan dalam inovasi sains dan teknologi.

(END)